

## PENDAHULUAN

Persoalan emansipasi wanita Melayu telah dibincangkan oleh para pengkaji sastera di Malaysia, misalnya Hashim Awang (1985) dan A. Wahab Ali (1989). Mereka percaya bahawa emansipasi wanita Melayu telah wujud di sekitar akhir tahun 1920-an. Hal ini dikesan melalui tema yang diketengahkan dalam beberapa novel Melayu, misalnya *Hikayat Faridah Hanum* (1925) dan *Iakah Salmah* (1928). Walau bagaimanapun penelitian emansipasi wanita Melayu yang telah dilakukan sehingga ini hanya menyebut terdapat unsur emansipasi dalam novel Melayu, namun kajian secara mendalam tentang aspek emansipasi ini masih belum dilakukan. Kajian ini cuba menggunakan pemikiran watak untuk menyerlahkan aspek emansipasi. Bagi meninjau sifat emansipasi ini sama ada bermodelkan Barat atau ala-Islam dan mengetahui apakah kekangan-kekangan yang wujud pada zaman kolonial yang membataskan perkembangan emansipasi wanita Melayu; maka maklumat linguistik dan bukan linguistik perlu digabungkan, agar emansipasi wanita Melayu pada zaman kolonial dapat diserlahkan.

Artikel ini meneliti *Hikayat Faridah Hanum* dengan menerapkan pendekatan psikolinguistik, iaitu salah satu cabang dalam bidang linguistik. Bidang ini memberi tumpuan, misalnya terhadap pertuturan, iaitu menghuraikan proses-proses psikologi yang terjadi apabila seseorang mengujarkan ayat semasa berkomunikasi (Mangantar Simanjuntak 1987:1). Dalam erti kata lain, kajian ini menggunakan pendekatan interdisiplin, iaitu menghubungkan di antara ilmu psikologi dan bahasa. Dalam hal ini, pengkaji akan cuba memperlihatkan betapa eratnya hubungan di antara bahasa dan pemikiran yang boleh dinilai melalui teks sastera. Keeratan bahasa dan pemikiran ini dapat menggambarkan realiti sesebuah karya dan zaman yang melatarinya. Hal ini pernah dinyatakan oleh Safian Hussain et al. (1981:109).

Dalam konteks kesusasteraan Melayu sebarang pembaharuan atau perubahan itu tentunya berkait rapat dengan sikap penulis terhadap tema atau persoalan yang dikemukakannya. Di samping itu secara tidak langsung kita akan berhadapan dengan sikap dan peringkat-peringkat pemikiran masyarakat pada zaman itu sebagaimana yang terpancar di dalam karya-karya berkenaan.

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa penulis bertanggungjawab terhadap persoalan atau pembaharuan yang dikemukakannya dalam sesebuah karya. Hal ini seterusnya mampu mencerminkan sikap dan pemikiran masyarakat pada zaman tersebut terhadap sesuatu persoalan yang diketengahkan oleh penulis. Dalam erti kata lain, penulis sesebuah novel dapat dianggap mewakili pemikiran individu dan masyarakatnya.

## DEFINISI EMANSIPASI

Perkataan ‘emansipasi’ agak bersinonim dengan wanita. Maksudnya, kebebasan yang diinginkan wanita dalam hidupnya, termasuklah dari segi berpakaian, pertuturan, pendidikan dan gaya hidup.

Perkataan ‘emansipasi’ sebenarnya berasal daripada bahasa Latin, *emancipatio* (pembebasan dari tangan kekuasaan). Berdasarkan penelitian terhadap beberapa ensiklopedia, ‘emansipasi’ umumnya dirujuk sebagai pembebasan dari sistem perhambaan, di zaman Abraham Lincoln. *Encyclopedia Britannica* (hal. 306) menyebutkan hal ini seperti berikut:

Laungan emansipasi membawa pengaruh yang berpanjangan kerana ia memberi nafas kepada konsep kebebasan dan hak samarata yang melatari masyarakat Amerika.

Namun begitu, perkataan emansipasi boleh juga dirujuk untuk hal-hal lain, misalnya ‘pembebasan anak lelaki daripada autoriti paternal’ (Ernest Klein 1966:511) dan “... pembebasan Kayolik Roman daripada ketidakpayaan sivil yang dikenakan ke atas mereka oleh undang-undang Inggeris” (*The Oxford English Dictionary*, Jil. 3, 1969:101).

Di Malaysia pula, emansipasi boleh dirujuk kepada dua maksud (*Kamus Dewan* 1991:308), iaitu:

1. pembebasan daripada perhambaan
2. pemberian hak yang sama dalam hukum (wanita mendapat hak yang sama dengan lelaki).

Definisi yang pertama agak bersamaan dengan konsep emansipasi di Barat, iaitu pembebasan dari perhambaan sementara definisi kedua, besar kemungkinannya berkaitan dengan persamaan hak di antara kaum wanita dan lelaki yang berlandaskan kepada hukum Islam.

Berdasarkan beberapa definisi di atas, pengkaji mendapati perkataan pembebasan (*liberty*) dan persamaan (*equality*) agak bertepatan dengan maksud ‘emansipasi’. Pembebasan atau persamaan dalam konteks perbincangan ini ialah dari segi pemikiran dan ideologi. Dalam erti kata lain, kaum wanita di alam Melayu mahukan kebebasan bersuara dan hak yang sama seperti kaum lelaki, seperti dalam bidang pendidikan. Misalnya, menurut Ungku Maimunah (1992:253) “... pada tahap awal, pendidikan untuk anak perempuan tidak disediakan oleh pemerintah kolonial”. Oleh itu, penulis novel pada zaman 20-an menonjolkan watak-watak wanita yang berpendidikan sebagai salah satu langkah reformasi. Hal ini merupakan salah satu ukuran untuk melihat emansipasi wanita dalam sesuatu bangsa, iaitu adakah watak wanita dalam sesebuah novel itu berpelajaran tinggi dan berpengetahuan luas.

Selain itu, emansipasi haruslah dinilai berdasarkan tindakan yang dilakukan oleh watak. Misalnya adakah ia melakukan sesuatu tindakan atas kepentingan diri sendiri atau untuk seluruh bangsanya. Ini bersesuaian dengan

definisi yang digunakan di Barat, iaitu mendapatkan pembebasan bagi semua golongan hamba agar diberi hak yang sama dengan golongan yang merdeka.

Seseorang yang memperjuangkan emansipasi juga haruslah mengetahui dan memahami budaya bangsanya, agar segala tindak-tanduknya dapat diterima oleh bangsanya. Maksudnya, seseorang yang memperjuangkan emansipasi haruslah menyesuaikan pandangan atau tindakannya dengan budaya bangsa agar dapat diterima oleh bangsa tersebut. Misalnya di alam Melayu perjuangan emansipasi yang paling ideal ialah yang berteraskan budaya Islam kerana Islam dan Melayu itu sinonim. Oleh itu, seseorang yang ingin memperjuangkan emansipasi wanita di alam Melayu haruslah mengetahui hukum-hakam dalam agama Islam agar perjuangannya dapat diterima oleh masyarakat Melayu seluruhnya.

#### SOROTAN BEBERAPA PANDANGAN MENGENAI *HIKAYAT FARIDAH HANUM*

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap beberapa buku kritikan sastra Melayu, didapati isu emansipasi sering disebut-sebut oleh pengkaji sastra. Tegasnya dalam membincangkan tema-tema yang wujud pada akhir 30-an, pengkritik sastra menyebut emansipasi wanita Melayu sebagai salah satu persoalan yang ingin diketengahkan oleh penulis-penulis pada zaman tersebut.

A. Bakar Hamid (1982:3) misalnya menghadapi masalah untuk menentukan satu tema utama dalam novel-novel yang dihasilkan pada awal 30-an. Beliau ada menyebut beberapa persoalan yang diketengahkan oleh penulis-penulis novel pada zaman ini, seperti kemunduran orang Melayu, adat dan kepercayaan, pelajaran dan perkembangan zaman moden. Malah beliau juga menyebut bahawa soal kebebasan wanita diberi penekanan istimewa (1982:3). Sementara Munir Ali (1988:57) memberi pendapat yang agak berbeza:

Mungkin ada setengah orang akan berkata Syed Sheikh telah membawa tema kebebasan wanita. Tetapi tema tersebut adalah satu perbincangan sahaja dalam *Hikayat Faridah Hanum*...

Berdasarkan pernyataan di atas didapati persoalan emansipasi wanita dalam novel HFH bukanlah tema utama penulis, tetapi hanyalah tema sampingan yang dibincangkan secara tidak langsung oleh pengarang.

Dari aspek lain novel *Hikayat Faridah Hanum* dikatakan sebuah novel 'saturan' (Safian Hussin, Mohd Thani dan Johan Jaafar 1981:111; Ilias Haji Zaidi 1981:27) yang bertujuan untuk mereformasikan masyarakat Melayu dalam usaha menentang berkembangnya pengaruh Barat ke dalam kehidupan orang-orang Islam (Mohd. Taib Osman dalam S. Othman Kelantan 1986:70). Dalam hal ini Mohd. Taib Osman (dalam Hamzah Hamdani 1988:82)

menjelaskan bahawa emansipasi wanita yang wujud ketika itu ialah yang menitikberatkan ajaran moral Islam.

Beberapa pandangan di atas memperlihatkan ketidakseragaman pendapat tentang emansipasi wanita dalam novel *Hikayat Faridah Hanum*. A. Bakar Hamid misalnya menganggap soal kebebasan wanita mendapat perhatian yang istimewa oleh penulis. Sementara Munir Ali berpendapat sebaliknya. Safian dan rakan-rakan pula menyebut novel HFH memperjuangkan reformasi bagi orang-orang Melayu agar tidak dipengaruhi oleh budaya Barat. Ini disokong oleh Mohd. Taib Osman, iaitu ajaran moral Islam diberi perhatian yang istimewa.

### BAHASA DAN PEMIKIRAN

Apabila kita membicarakan soal emansipasi wanita, kita tidak boleh lari dari membincangkan aspek pemikiran mereka. Sesuatu idea tentang emansipasi sudah pasti mempunyai hubungan dengan pemikiran dan pemikiran ini pula mempunyai kaitan dengan bahasa. Menurut Steinberg (1990) bahasa mempunyai dua peranan terhadap sistem fikiran, iaitu memberi bunyi bahasa fizikal sebagai output (dalam bentuk fonetik dan fonologi) apabila terdapat fikiran tertentu sebagai input dan memberi fikiran tertentu sebagai output apabila terdapat bunyi bahasa sebagai input. Oleh itu, bahasa sebenarnya bukan sahaja membolehkan kita berkomunikasi di antara satu sama lain, memperkatakan sesuatu perkara, benda, cerita dan sebagainya, malah lebih daripada itu, bahasa juga turut berperanan dalam proses berfikir dan menyatakan hasil fikiran. Sebagai input untuk proses berfikir, bahasa akan berinteraksi dengan unsur-unsur lain untuk membentuk fikiran.

Ahli-ahli falsafah, psikologi, dan bahasa mengakui akan hakikat bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam proses berfikir, Sapir (1921) misalnya, amat percaya bahawa bahasa merupakan alat penting dalam proses berfikir. Menurut beliau andaian yang dipegang oleh kebanyakan orang bahawa mereka boleh berfikir dan menaakul tanpa menggunakan bahasa adalah khayalan semata-mata. Kenyataan Sapir ini menjelaskan bahawa untuk melakukan proses berfikir, bahasa amat diperlukan. Bagi beliau, pandangan yang menyatakan bahawa bahasa tidak penting dalam proses berfikir adalah disebabkan oleh kegagalan membezakan di antara pemikiran dan imej/bayangan. Kita sering menganggap imej/bayangan sebagai pemikiran sedangkan keduanya adalah berbeza. Menurut Sapir, sesuatu imej hanya akan menjadi perkataan apabila imej tersebut dikaitkan dengan imej-imej yang lain. Dengan perkataan lain sesuatu perkataan itu terbentuk hasil daripada gabungan beberapa imej. Sebaliknya pemikiran pula merupakan benda yang natural, yang terpisah jauh daripada pertuturan tetapi pertuturan inilah satu-satunya jalan yang akan membawa kepada pemikiran.

Pandangan Sapir ini diperkuat oleh anak muridnya Benjamin Whorf, yang terkenal dengan hipotesis Whorf. Menurut Whorf bahasa menentukan fikiran seseorang. Perbezaan struktur sesuatu bahasa dengan bahasa yang lain dalam menangani konsep-konsep asas seperti masa, sebab dan akibat dan sebagainya memperlihatkan bahawa bahasa mempengaruhi pemikiran. Dengan perkataan lain, pemikiran sesuatu masyarakat dapat dibezakan dengan pemikiran masyarakat lain melalui penelitian terhadap bahasanya. Menurut beliau,

Sistem linguistik yang melatari sesuatu bahasa (dalam erti kata lain, nahu) bukan hanya alat pengeluaran untuk menyuarakan idea, tetapi, sistem ini, sebaliknya, adalah alat untuk membentuk idea, program dan panduan untuk aktiviti mental penutur, alat untuk menganalisis perasaan, untuk mensintesis idea mentalnya. Merumuskan idea bukan satu proses berasingan yang berlaku secara rasional ('rasional' mengikut maksud lama), tetapi merupakan sebahagian daripada sesuatu nahu tertentu, dan perumusan ini berbeza, daripada sedikit saja perbezaannya ke banyak, antara satu nahu dengan yang lain, kita meneliti hakikat alamiah mengikut cara yang telah ditetapkan oleh nahu bahasa ibunda kita (Dalam Steinberg 1990:147).

Walaupun pandangan Sapir dan Whorf tentang peranan bahasa dalam membentuk fikiran ini amat positif, namun menyatakan bahawa hanya bahasa semata-mata yang berupaya membentuk fikiran adalah agak keterlaluan. Sebenarnya agak sukar untuk membuktikan bahawa hanya bahasa yang berupaya membentuk fikiran. Sudah pasti terdapat faktor-faktor lain yang sama-sama memberi sumbangan dalam proses menggerakkan/membentuk fikiran. Orang yang tergolong dalam golongan istimewa, iaitu orang pekak-bisu misalnya, juga masih boleh berfikir walaupun mereka tidak berupaya mengeluarkan bunyi-bunyi yang dipanggil bahasa (Simanjuntak 1982).

Piaget pula lebih mementingkan aspek kecerdasan dalam menghuraikan hubungan di antara bahasa dan fikiran. Aspek kecerdasan ini merupakan satu bentuk keseimbangan atau penyeimbangan ke arah mana semua fungsi kognitif bergerak (Simanjuntak, M. 1987:97). Bagi Piaget penyeimbangan ini tidak berlaku secara tepat dan automatik, tetapi merupakan satu imbuhan untuk satu gangguan luaran. Oleh itu, perkembangan kognitif amat penting dalam membentuk fikiran, manakala bahasa hanya merupakan unsur sampingan. Bagi Piaget,

Bahasa adalah tidak cukup untuk memperjelaskan pemikiran disebabkan struktur yang melatari pemikiran berakarumbikan tindakan dan mekanisme sensori yang lebih mendalam berbanding linguistik (Owens Jr. 1992:137).

Berdasarkan pandangan Piaget ini, kita boleh menyatakan bahawa fikiran itu sebenarnya bukanlah dibentuk semata-mata oleh bahasa, tetapi ada unsur lain yang lebih penting. Sebenarnya, fikiran yang terdapat pada seseorang itu terbentuk sedikit demi sedikit, hasil daripada rangsangan luaran yang menjadi input, iaitu rangsangan penglihatan, pendengaran, dan sentuhan yang menggambarkan benda, peristiwa dan persekitaran (Locke 1995). Pembentukan

sistem fikiran bermula sejak kanak-kanak dilahirkan, iaitu apabila kanak-kanak mula bertindak balas dengan rangsangan tersebut. Rangsangan ini akan membentuk satu sistem fikiran yang sempurna. Kesempurnaan fikiran bermaksud ia sudah terbentuk dan mula berfungsi. Kemudian barulah aspek bahasa mula dipelajari. Apabila bahasa mula dipelajari, maka ia juga akan menjadi input kepada sistem fikiran dan juga boleh menjadi output, iaitu dalam bentuk pertuturan. Bentuk-bentuk perkataan yang terkeluar daripada mulut seseorang itu ditentukan oleh fikiran. Dalam proses ini, kita mengekod fikiran ke dalam bahasa yang kemudiannya disampaikan melalui pertuturan.


Aspek pemikiran juga boleh disampaikan melalui penulisan, seperti karya sastera. Seseorang sasterawan akan menterjemahkan segala fikirannya melalui penceritaan pengalamannya, sejarah dan keperihalan manusia yang wujud di sekitarnya untuk tatapan pembaca. Fikiran mereka boleh disampaikan melalui beberapa cara. Antaranya mereka menggunakan watak-watak tertentu sebagai alat untuk menyatakan fikirannya. Oleh itu, mereka akan memberi gambaran yang setepat mungkin tentang sesuatu cerita. Misalnya watak Faridah Hanum dalam HFH boleh diandaikan benar-benar wujud pada zaman karya ini dihasilkan.

Syahkh Fadhalla Haeri (dalam Shahnnon Ahmad 1994:138) juga pernah menyatakan tentang hubungan bahasa dan fikiran. Menurut beliau, "... minda manusia dilihat dari segi komunikasi, adalah pengaliran pemikiran". Kenyataan beliau ini menjelaskan betapa eratnya hubungan antara bahasa (melalui proses komunikasi) dengan pemikiran penutur. Tegasnya, pengucapan seseorang dapat menggambarkan aliran fikirannya terhadap sesuatu hal yang dibicarakan. Misalnya jika seseorang itu tidak bersetuju dengan sesuatu hal, maka ia akan menyatakan apa yang terkandung di dalam fikirannya untuk didengar oleh orang lain. Oleh itu, jika pengarang bertujuan untuk menegakkan emansipasi wanita, maka pemikirannya sudah tentu akan dijuruskan kepada watak ciptaannya agar pembaca dapat menyelami hajat yang hendak disampaikan.

## METODOLOGI KAJIAN

Memandangkan kajian ini menggunakan novel HFH sebagai bahan kajian, maka watak utama wanita dalam novel ini, iaitu Faridah Hanum dijadikan sumber utama data. Pemikiran Faridah Hanum dijadikan asas atau contoh pemikiran wanita pada zaman tersebut. Pendekatan analisis dialog digunakan untuk meneliti pemikiran Faridah Hanum, iaitu sebagaimana yang disebut oleh Whorf (dalam Hashim Musa 1994:19):

Bahawa berfikir itu adalah suatu kegiatan yang paling ajaib. Satu-satunya cara yang boleh menerangkan keajaiban proses berfikir ialah dengan melihat dan mengkaji penggunaan bahasa ketika berfikir.



RAJAH 1. Hubungan Idea, Pemikiran dan Bahasa

diterjemahkan ke dalam bunyi-bunyi bahasa. Walaupun huraiannya agak munasabah, namun, ubah suaian bahagian-bahagian tertentu difikirkan wajar. Sebagai contoh, pengkaji melabelkan proses pembentukan idea dan proses pemikiran sebagai struktur dalaman, manakala Steinberg membahagikan modelnya kepada dua bahagian, iaitu bahagian Representasi Semantik dan bahagian Struktur Permukaan.

Dalam model Steinberg, proses fikiran mendapat input daripada dorongan dan penanggapan deria. Pada hemat pengkaji pula, proses ini mendapat input daripada idea atau seberkas idea yang datangnya daripada faktor luaran. Idea-idea ini yang menjadi objek pemikiran berinteraksi dengan bahagian pengetahuan. Bahagian pengetahuan mengandungi stok asas sebilangan unsur konsep dan pertalian konsep. Unsur ini kemudiannya membina pengetahuan tentang dunia dan disimpan di dalam bahagian pengetahuan. Stok utama konsep-konsep ini dimiliki oleh semua bahasa manusia. Hasil daripada interaksi ini maka wujudlah fikiran. Namun begitu, pada tahap ini fikiran yang terbentuk masih belum sempurna.

Fikiran yang sudah terbentuk, yang hendak disampaikan oleh penutur mengandungi dua bahagian asas, iaitu tujuan dan proposisi. Tujuan dan proposisi merupakan intipati fikiran yang hendak disampaikan. Intipati ini bersifat konseptual, manakala penyampaian fikiran dilakukan dengan cara linguistik atau tingkah laku. Dalam bahagian ini, perkara-perkara seperti menyoal, menafikan dan menegaskan dilakukan melalui sesuatu proposisi. Komponen proposisi pula mengandungi argumen, predikat dan beberapa penerang seperti bilangan dan masa. Sesuatu fikiran yang sudah melalui komponen tujuan dan proposisi boleh ditambah dengan maklumat bahasa seperti data rujukan dan data kesopanan.

Setelah melalui tahap-tahap yang dinyatakan di atas, sesuatu fikiran itu dianggap sudah sempurna. Tahap kesempurnaan ini dipanggil tahap Representasi Semantik. Pada tahap ini fikiran sudah boleh disampaikan dalam bentuk bahasa. Untuk menukar Representasi Semantik ini kepada representasi fonetik, beberapa strategi perlu dilakukan. Antara cara yang boleh dilakukan ialah mencari bentuk bunyi dan makna di komponen Item Tersimpan atau di komponen rumus transformasi.

Dalam Item Tersimpan, terdapat semua morfen, perkataan, frasa, dan ayat yang setiap satunya mengandungi maklumat bentuk bunyi dan maknanya. Oleh itu, sesuatu bunyi mungkin dapat diperoleh dengan cepat dari Item Tersimpan tanpa perlu melakukan pencarian dalam rumus fonologi dan rumus transformasi. Namun, jika pencarian maklumat tentang representasi fonetik tidak dapat dilakukan dalam Item Tersimpan, maka rumus transformasi yang membekalkan struktur sintaksis diperlukan.

Rumus transformasi dan Strategi Asas menghasilkan struktur permukaan. Dalam struktur permukaan, sintaksis sudah mempunyai bentuk-bentuk perkataan. Struktur permukaan ini seterusnya menjadi input kepada rumus fonologi yang kemudiannya menghasilkan representasi fonetik. Representasi fonetik ini akan dikendalikan oleh radas artikulasi iaitu gerakan lidah, pita suara dan bibir yang dikawal oleh otak. Akhirnya isyarat-isyarat yang mengandungi gelombang bunyi yang dikenali sebagai bunyi bahasa dihasilkan.

Pembentukan fikiran, pemprosesan fikiran dan penghasilan bunyi-bunyi bahasa yang dibincangkan di atas boleh dilihat berdasarkan Rajah 2.


Berdasarkan model Steinberg ini, jelas bahawa sesuatu yang difikirkan tidak semestinya sama seperti apa yang diujarkan. Sesuatu ujaran dalam bentuk dialog tidak semestinya menggambarkan pemikirannya. Sebab itu, jika kita hanya menganalisa dialog, kita mungkin tidak akan mendapat gambaran yang jelas tentang pemikiran sebenar. Dengan demikian, jika sesuatu dialog itu bersifat emansipasi, tidak semestinya ia menggambarkan pemikiran emansipasi. Oleh itu, penelitian terhadap pembentukan dan proses-proses fikiran amat penting sebelum menghuraikan sesuatu dialog.

Dalam model Steinberg, pembentukan fikiran dan proses-prosesnya diletakkan di dalam komponen representasi semantik. Pada tahap ini, bentuk-bentuk fonetik yang juga termasuk ayat masih belum wujud. Untuk memperlihatkan sesuatu dialog itu bersifat emansipasi atau tidak, kita perlu melihat pembentukan fikiran yang menghasilkan ujaran dalam bentuk dialog. Perhatikan dialog berikut:

Dialog 2 (hlm. 128)

Bukannya beta marahkan siapa-siapa ibu, sahaja beta benci sangat akan peringatan yang ada di dalam kepala sekalian laki-laki ini menyatakan ianyalah yang lebih kuat dan lebih akal bicara dan lebih serba-serbinya daripada kita sekalian perempuan ini, maka dengan sebab ini dipandangnyanya kita sekalian perempuan ini seperti suatu kejadian





RAJAH 2. Model Pemprosesan Penghasilan Ayat Steinberg, 1990

yang semata-mata dijadikan oleh Tuhan kerana ber-khidmatkan ianya sahaja tiada hak suatu apa-apa pun bagi sekalian perempuan ini di dalam dunia ini, melainkan menurutkan apa kesukaan sekalian laki-laki sahaja.

Dialog 2 di atas dikategorikan sebagai dialog emansipasi kerana ia memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Namun, penilaian terhadap dialog semata-mata tidak dapat mensahihkan kebenaran fikirannya kerana kadang-kadang aspek pemikiran tidak selari dengan apa yang diujarkannya. Oleh itu, aspek pemikirannya perlu diteliti.

Pengujaran dialog di atas berlaku disebabkan oleh beberapa perkara. Dialog ini diujarkan kerana Faridah Hanum mendapat idea dari sumber tertentu, yang dinamakan faktor luaran. Di sini faktor luaran yang memberi idea kepada Faridah Hanum terdiri daripada rangsangan pendengaran, iaitu Faridah Hanum mendengar ucapan dari Aliah, dayang Shafik Afandi yang berbunyi:

Dialog 3 (hlm. 128)

Subhanallah lupalah dayang hendak memberi tahu persantapan telah sedia oleh kesukaan melihat tuan kedua duduk berdua sama padan sama elok bagaikan tak ada bandingnya rasanya di dalam dunia ini. Pada hari ini barulah dayang merasa kesukaan daripada semenjak tuan murkakan kekanda ini.

Dialog 3 di atas menjadi input kepada pembentukan fikiran Faridah. Perkataan *murkakan* menjadi intipati kepada idea tersebut. Walaupun dalam dialog ini Aliah hanya menyebut "... murkakan kekanda...", namun, apabila idea ini ditanggap oleh Faridah dan dikaitkan dengan pengetahuan dunianya maka idea yang lebih besar muncul, iaitu ketidakpuasan hatinya terhadap sikap lelaki dengan tidak merujuk kepada individu-individu tertentu. Ketidakpuasan hatinya sudah ada pada bahagian pengetahuan (maksudnya sudah lama tersimpan) tetapi pengetahuan ini, diperolehi oleh Faridah Hanum dari gurugurunya seperti guru tentang pengetahuan dunianya yang berbangsa Perancis dan guru agamanya. Apabila idea ini sudah terbentuk, maka ia akan melalui tahap tujuan dan proposisi. Dalam tahap ini idea yang diperolehi cuba dijadikan pernyataan yang tegas. Namun ia boleh juga mengalami penyesuaian dengan menambah maklumat-maklumat bahasa (seperti melembutkan suara dengan menggunakan perkataan-perkataan tertentu). Pada tahap ini unsur-unsur kesopanan dan rujukan mula dimasukkan. Ini dapat dilihat dalam dialog Faridah yang menggunakan perkataan "Bukannya...". Setelah melalui tahap ini, segala idea yang bersifat konseptual ini akan diterjemahkan ke dalam bunyi-bunyi bahasa menggunakan strategi asas. Dan akhirnya, setelah melalui proses pengeluaran bunyi-bunyi bahasa dan makna, maka terhasillah bentuk ucapan. Berdasarkan huraian di atas, ternyata Dialog 3 di atas memperlihatkan ciri emansipasi kerana fikirannya bersifat emansipasi dan ia juga telah memenuhi kriteria yang telah ditentukan.

## MAKLUMAT BUKAN LINGUISTIK

Selain menggunakan kriteria definisi dan pendekatan psikolinguistik, beberapa maklumat bukan linguistik perlu diambil kira, iaitu maklumat tentang dunia, penulis dan penutur atau watak. Kesemua maklumat ini mampu memberi gambaran terhadap fikiran yang ingin dikemukakan oleh seseorang penulis pada zaman tertentu. Gabungan di antara maklumat bukan linguistik dan maklumat linguistik besar kemungkinannya dapat menyerlahkan lagi emansipasi wanita Melayu yang dikatakan wujud sebelum tahun 50-an.

### MAKLUMAT TENTANG DUNIA

Maklumat tentang dunia mengambil kira aspek adat, budaya dan zaman. Pada zaman Faridah Hanum wanita Melayu masih terikat dengan adat dan budaya kahwin yang diatur oleh ibu bapa. Wanita Melayu pada zaman ini tidak mempunyai 'suara' langsung, khususnya dalam hal perkahwinan. Kuasa ini dipegang oleh seorang ayah yang dianggap mempunyai 'suara mutlak' dalam hal menentukan pasangan hidup anak perempuannya. Jika terdapat seorang anak perempuan yang mengingkari perintah ini, maka ia dianggap telah melanggar adat dan sekaligus budaya Melayu, kerana budaya 'kahwin paksa' telah menjadi sebahagian daripada adat orang-orang Melayu. Budaya 'kahwin paksa' ini juga menjadi tema utama dalam novel HFH dan akhirnya telah dianggap oleh kebanyakan pengkaji sastera di Malaysia sebagai sebuah novel yang memperjuangkan emansipasi wanita Melayu. Novel ini mewakili wanita Melayu zaman kolonial agar dibebaskan daripada kongkongan budaya 'kahwin paksa'. Maklumat seperti ini boleh membantu kita memahami masalah wanita Melayu pada zaman tersebut dan seterusnya menilai tahap emansipasi yang wujud. Sebagai contoh cuba perhatikan Dialog 4:

Dialog 4 (hlm. 231 - 232)

Benarlah bagaimana perkataan ayahanda itu di dalam hukum kita Islam wali mujbir (bapa atau datuk) itu boleh menikahkan anak atau cucunya dengan laki-laki yang kupu dengan dia dengan mahar misal dengan tiada payah mengambil izin daripada anak atau cucunya itu. (1) Tetapi selama bapa dan datuknya itu tidak mengetahui akan anak atau cucunya itu tidak suka dan tidak redha akan laki-laki itu, maka apabila diketahui oleh bapa atau datuk itu akan ketiadaan redha anak atau cucunya dengan tanda-tanda yang telah disebutkan oleh 'ulama' fekah di dalam segala kitabnya, hilanglah kekuasaannya boleh menikahkan dengan tiada mengambil izin itu. (2) Dan jika dinikahkannya juga, maka nikah itu tidak sah sekali-kali. (3) Bermula, anakanda tidakkah ayahanda ketahui yang anakanda tidak sukakan Badaruddin itu sekali-kali. (4) Bukankah anakanda jatuh sakit kerana tidak suka nikah dengan dia itu lebih kurang tiga tahun lamanya. (5) Maka pada akhirnya anakanda turutkan kehendak ayahanda itu pada zahirnya sahaja, bukan kerana anakanda redha atau sukakan dia, tetapi hanyalah semata-mata anakanda takutkan ayahanda. (6) Dengan sebab itulah sehingga masa ini

anakanda tidak menyerahkan diri anakanda pada ia, tinggal anakanda bagaimana selamanya anak dara (7).

Dialog 4 berlaku semasa Faridah Hanum menerima surat saman daripada bekas suaminya, Badaruddin, yang meminta Faridah Hanum kembali ke pangkuannya. Bapa Faridah Hanum, Kasim Bey, berasa terkejut atas peristiwa tersebut, lalu meminta penjelasan daripada Faridah Hanum. Maka dijelaskan oleh Faridah Hanum bahawa perkahwinannya dengan Badaruddin dilakukan tanpa kerelaan hatinya. Faridah Hanum terpaksa mengahwini pemuda pilihan ayahnya kerana takut dianggap durhaka (sila lihat ujaran (6)). Namun hakikatnya, dia menderita dan akhirnya jatuh sakit selama tiga tahun, iaitu sebagaimana yang tergambar dalam ujaran (5). Situasi ini memperlihatkan keterikatan seorang wanita akan adat dan budaya Melayu sehingga terpaksa mengorbankan perasaannya terhadap orang yang dicintai.

Maklumat tentang dunia juga bersangkutan dengan zaman yang melatari sesuatu kajian. Misalnya novel HFH telah dihasilkan pada akhir tahun 30-an. Pada zaman pengaruh Islam sedang berkembang di Tanah Melayu, khususnya pengaruh dari Timur Tengah yang dipelopori oleh Sheikh Muhammad Abduh. Hal ini secara tidak langsung telah mewujudkan pertentangan pendapat di antara golongan muda (yang diwakili oleh Faridah Hanum) dan golongan tua (yang diwakili oleh ayahnya). Pengaruh Islam dilihat semacam memberi satu kelebihan kepada kaum lelaki berbanding kaum wanita. Seorang lelaki yang telah berkahwin dianggap sebagai ketua keluarga. Seorang ayah pula mesti menjadi wali kepada anak perempuannya yang hendak berkahwin, tetapi haruslah mendapat keizinan si anak. Namun realitinya, kaum lelaki seperti telah 'lupa' bahawa seorang bapa atau datuk yang mengetahui bahawa anak perempuannya tidak redha akan sesuatu pernikahan, maka hilanglah hak mereka untuk memaksa perempuan berkenaan berkahwin dengan pemuda pilihan mereka.

#### MAKLUMAT TENTANG PENULIS

Mengkaji bahasa sebuah novel samalah dengan mengkaji pemikiran penulis novel. Pemikiran penulis biasanya disampaikan melalui dialog yang diujarkan oleh watak-watak. Namun, hakikatnya dialog yang disampaikan oleh watak dalam novel tidak mencerminkan keseluruhan keadaan kerana wujudnya beberapa kekangan adat dan budaya. Kekangan ini tidak boleh dielakkan kerana sesuatu penulisan haruslah peka dengan adat dan budaya yang diamalkan pada zamannya. Seorang penulis yang cuba menentang sesuatu adat atau budaya yang sudah 'mantap', misalnya budaya 'kahwin paksa', maka tulisannya mungkin sukar diterima oleh pembaca. Dalam hal ini, penulis novel HFH, Al-Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi cuba melanggar budaya kahwin paksa di kalangan masyarakat Melayu. Implikasinya, novel ini telah mendapat maklumbalas yang hebat di kalangan masyarakat Melayu pada zaman itu.

Maksudnya perjuangan emansipasi ketika itu tidak berlandaskan budaya Islam yang sebenar. Faridah Hanum misalnya, digambarkan sebagai seorang yang proaktif, sehingga sanggup melakukan apa saja agar cita-citanya tercapai. Pemikiran Faridah Hanum juga dikekang oleh adat dan budaya yang melingkunginya. Kekangan adat dan budaya yang kuat ini sering kali merubah fikiran sebenarnya, sehingga ia sanggup bertindak dan melahirkan sesuatu yang tidak sepatutnya diujarkan oleh seorang yang beragama Islam dan berpelajaran tinggi.

Artikel ini ingin mencadangkan agar kajian susulan dilakukan terhadap beberapa novel awal Melayu yang lain yang menetengahkan wanita sebagai watak utama, misalnya *Iakah Salmah*. Beberapa kriteria yang digunakan dalam kertas kerja ini boleh dimanfaatkan untuk mengkaji emansipasi wanita Melayu amnya. Hal ini mungkin dapat membantu kita memahami konsep emansipasi di alam Melayu.

#### RUJUKAN

- A. Wahab Ali. 1989. *Imej Manusia dalam Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Di sekitar Pemikiran Kesusasteraan Malaysia 1957 - 1972*. 1976. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Encyclopedia Britannica*. 1969. U.S.A.: William Benton.
- Hamzah Hamdani (penyelenggara). 1982. *Novel-novel Malaysia dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani (penyelenggara). 1988. *Pemikiran Sastera Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang et.al. 1985. *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya.
- Hashim Musa. 1994. *Pengantar Falsafah Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- Ilias Haji Zaidi. 1981. *Kesusasteraan Melayu Moden*: Jilid 1: Novel. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Klein, Ernest. 1966. *A Comprehensive Etymological Dictionary of the English Language*. Amsterdam: Elsevier Publishing Company.
- Locke, J. 1995. *An Essay Concerning Human Understanding*. New York: Prometheus Books.
- Mangantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1982). *Aspek Bahasa dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Munir Ali. 1988. *Kajian Kesusasteraan Melayu Moden*. Selangor: Flo Enterprise Sdn. Bhd.
- S. Othman Kelantan (penyelenggara). 1992. *100 Tahun Pergerakan Bahasa dan Sastera Melayu 1888 - 1988*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. 1986. *Novel: Tanggapan dan Kritikan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Owen, Jr. 1992. *Language Development*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad dan Johan Jaafar (penyelenggara). 1981. *Sejarah Kesusasteraan Melayu (Jilid 1)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sahlan Mohd. Saman, Othman Puteh, Ramli Isin. 1986. *Memperkatakan Tiga Genre*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Sapir, E. 1921. *Language*. New York: Harcourt, Bruce & World Inc.
- Shahnon Ahmad. 1994. *Sastera: Pengalaman Ilmu Imajinasi dan Kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steinberg, D. 1990. *Psikolinguistik: Bahasa, Akal Budi dan Dunia* (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Sheikh Al Hadi. 1964. *Faridah Hanum*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- The Oxford English Dictionary* (Volume 3). 1969. Oxford: Oxford University Press.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1987. *Modern Malay Literary Culture: A Historical Perspective*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Jabatan Linguistik  
Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan